



APA YANG PERLU ANDA TAHU TENTANG COP27

Pemimpin dari hampir 200 negara telah berhimpun di Sharm Al-Sheikh, Mesir, dari 6 hingga 18 November bagi membincangkan bagaimana negara-negara boleh bertindak menghadapi isu iklim di bawah Perjanjian Paris. Berita Harian membentangkan antara hasil perbincangan COP27, sidang bagi perubahan iklim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) tahun ini.



Aliran bahan api

- Hasil perbincangan COP27 telah dikritik beberapa pihak kerana dilihat sebagai tidak mencukupi dalam mengawal pelepasan yang menjejaskan iklim, sama ada dengan meletakkan sasaran negara yang lebih tinggi mahupun dengan mengurangkan penggunaan bahan api seperti arang, minyak dan gas asli.

- Beberapa negara telah menggesa agar penggunaan semua bahan api dihentikan secara berperingkat, atau sekurang-kurangnya dikurangkan.

- Namun, melalui ucapan yang disampaikan dari mula hingga akhir sidang itu, penggunaan

bahan api akan diteruskan bagi tempoh akan datang.

- Presiden Amiriah Arab Bersatu (UAE) – tuan rumah kepada COP28 tahun depan – Sheikh Mohammed Zayed al-Nahyan berkata negaranya akan terus menyediakan minyak dan gas “selagi diperlukan dunia”.

- Beberapa negara miskin yang kekurangan tenaga elektrik di Afrika pula mempertahankan hak mereka untuk membangunkan rizab gas asli mereka, meskipun menghadapi kesan iklim yang meningkat seperti kemarau.

Hubungan AS, China semakin baik

- Sebelum sidang COP27 melaburkan tirainya, satu ‘kejayaan’ dalam perbincangan tentang perubahan iklim dicapai jauh dari kawasan Laut Merah itu.

- Semasa minggu kedua COP27, Presiden China Xi Jinping dan Presiden Amerika Syarikat (AS), Encik Joe Biden, bertemu di Indonesia bagi sidang G20 di mana kededua pemimpin negara besar itu - yang mempunyai kadar pelepasan gas rumah hijau tertinggi - bersetuju meneruskan kerjasama berkaitan perubahan iklim.

- Ini selepas kerjasama tersebut terhenti selama beberapa bulan disebabkan ketegangan berkaitan Taiwan.

- Perunding iklim terkemuka China, Encik Xie Zhenhua, sebelum ini memberitahu wartawan dialog tidak rasmi dengan Encik John Kerry, rakan sejawatannya dari AS, telah diteruskan.

Berbillion dolar dari sumber kewangan swasta

- Dunia kewangan gagal menyediakan wang yang mencukupi bagi membantu negara mengurangkan pelepasan karbon dan menyesuaikan ekonomi kepada perubahan yang disebabkan oleh pemanasan global, namun rundingan semasa COP27 memberikan isyarat bahawa ini akan berubah.

- Antara langkah bagi memperuntukkan lebih banyak wang termasuk rancangan memperbaharui proses pemberi pinjaman awam utama seperti Bank Dunia, supaya mampu mengambil risiko dan meminjamkan wang yang lebih banyak.

- Dengan itu, negara-negara berharap lebih ramai pelabur swasta akan turut serta.

- Persetujuan yang dicapai semasa sidang tersebut juga memberikan harapan bagi tindakan yang lebih pantas.

- Ini termasuk persetujuan antara AS dan Jepun, serta langkah pelabur swasta untuk membantu Indonesia beralih daripada penjaan kuasa melalui arang dengan lebih pantas.

Dana bagi mencapai “keadilan iklim”

- Selepas menghadapi tentangan dari pemerintah negara lebih kaya selama bertahun-tahun lamanya, negara-negara akhirnya mencapai persetujuan buat julung kalinya untuk menubuhkan dana bagi memberikan bayaran kepada negara membangun yang mengalami “kerugian dan kerosakan” akibat ribut, banjir, kemarau dan kebakaran hutan yang disebabkan perubahan iklim.

- Meskipun kejayaan itu dicapai melalui sidang tersebut, ia akan mengambil masa beberapa tahun bagi memperhalusi butiran dana itu, termasuk bagaimana ia akan diuruskan, cara ia diagih serta negara mana yang layak menerimanya.

